

04/07/1997

Chini: Pahang kaji saman perunding

Noorwati Salleh

KUANTAN, Khamis - Kerajaan Pahang mungkin menuntut pampasan dan ganti rugi daripada syarikat perunding dari Kuala Lumpur yang bertanggungjawab terhadap pembinaan dan reka bentuk empangan Sungai Chini bernilai RM1 juta kerana tidak mengikut spesifikasi laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin, berkata kerajaan negeri akan merujuk kepada penasihat undang-undang negeri untuk meneliti perkara itu dan mengemukakan tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat berkenaan.

Empangan itu dibina pada 1994 dengan kos RM1 juta bertujuan menaikkan paras air di Sungai Chini bagi memudahkan pengusaha bot membawa pelancong sehingga ke Tasik Chini.

Bagaimanapun, paras air yang tinggi menyebabkan banyak pokok mati di kawasan 60 hektar itu serta peningkatan kandungan asid dalam air yang menyebabkan ikan sukar hidup.

"Berikutan itu, kerajaan negeri terpaksa mengeluarkan banyak perbelanjaan banyak untuk melaksanakan pelbagai cara bagi menurunkan paras air sungai dan tasik itu termasuk menjalankan kerja memotong empangan membabitkan kos RM200,000," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Semalam, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding memberitahu Kabinet bahawa cadangan ketinggian bagi pembinaan empangan itu ialah 1.8 meter, tetapi syarikat perunding terbabit meningkatkan ketinggiannya kepada 3.2 meter.

Katanya, bagi melaksanakan projek itu, sebuah syarikat perunding lain ditawarkan untuk menjalankan kajian EIA.

Bagaimanapun, syarikat perunding yang bertanggungjawab membina dan mereka bentuk empangan itu tidak mengikut spesifikasi EIA dengan meningkatkan ketinggian empangan terbabit.

Laporan itu dikemukakan kepada Kabinet berdasarkan siasatan mengenai masalah Tasik Chini yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Pahang. Jabatan itu diarahkan oleh Law untuk menjalankan siasatan pada April lalu bagi membolehkan perkara berkenaan dibentang kepada Kabinet.

Menurut Law, ia bergantung kepada kerajaan negeri untuk mengambil tindakan terhadap syarikat perunding terbabit kerana ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Hasan berkata, pada pandangannya, masalah itu berlaku kerana syarikat perunding terbabit dipercayai tidak berpengalaman dalam kerja pembinaan empangan.

"Sebelum ini, syarikat itu pernah melaksanakan beberapa projek kerajaan, termasuk pembinaan hotel," katanya.

Beliau berkata, syarikat perunding berkenaan dilantik bukan saja untuk membina dan mereka bentuk empangan itu, malah mengawasi pembinaannya kerana Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upem) tidak mempunyai tenaga teknikal atau kepakaran melaksanakan projek terbabit.

Menurut Hasan, sebelum melaksanakan projek itu, syarikat perunding berkenaan menghadiri beberapa mesyuarat jawatankuasa teknikal dan pihak Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Dara) sudah mengarahkannya melaksanakan projek itu berdasarkan kehendak EIA.

"Dalam hal ini, kontraktor yang membina empangan itu tidak harus dipersalahkan kerana ia mengikut arahan syarikat perunding berkenaan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat sungai dan Tasik Chini pada Mac lalu, tidak berpuas hati apabila mendapati banyak pokok mati di sepanjang tebing tasik dan sungai itu.

(END)